



# **DASAR KEUSAHAWANAN PELAJAR**

**PUSAT TEKNOUSAHAWAN UNIVERSITI**  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

**Disediakan oleh :**

Dr. Nasuha Bin Sa'ude  
Dr. Siti Sarah Binti Omar  
Dr. Mohd Yussni Bin Hashim  
Ts. Dr. Mohd Arif Bin Rosli  
En. Jefri Bin Ahmad  
Cik Nur Nabihah Binti Annuar

Hakcipta terpelihara, tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian daripada kandungan dasar/garis panduan ini dalam apa-apa jua bentuk dan dengan cara apa pun sama ada secara elektronik atau mekanikal, termasuk fotokopi, rakaman atau sebaliknya, tanpa keizinan bertulis daripada Naib Canselor  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Kelulusan Jawatankuasa Eksekutif  
Bil. 3/2022 (JKE 3/2022/7,13/2/2022)

Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 1/2022 Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.  
(Kertas Kerja Bil. 1/2022/08, 20/2/2022)

**DASAR KEUSAHAWANAN PELAJAR  
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA (UTHM)**

**1.0 PENGENALAN**

Pembangunan pelajar yang holistik dan berdaya saing dapat dibentuk melalui pembinaan pengalaman pelajar sebagai usahawan. Universiti bertanggungjawab menyediakan ekosistem keusahawanan pelajar bagi membentuk pelajar yang berdaya saing, kompeten, beretika dan memenuhi kehendak pasaran.

**2.0 DEFINISI KEUSAHAWANAN PELAJAR**

Keusahawanan Pelajar merujuk kepada program atau aktiviti keusahawanan yang melibatkan penyertaan pelajar secara menyeluruh dalam ekosistem keusahawanan yang diwujudkan oleh Universiti termasuk penglibatan pelajar melalui syarikat yang diwujudkan oleh pelajar sepenuhnya untuk menyertai sebarang aktiviti keusahawanan di dalam kampus.

**3.0 OBJEKTIF**

- 3.1 Mewujudkan ekosistem keusahawanan di Universiti melalui panduan dan kerangka kerja yang jelas berdasarkan garis panduan pelaksanaan program atau inisiatif, supaya semua pihak yang terlibat dapat melaksanakan tanggungjawab melalui peranan yang diberi.

- 3.2 Meningkatkan jumlah pelajar UTHM yang mencebur入 bidang keusahawanan termasuk keusahawanan berteraskan teknologi, inovasi dan TVET semasa dan setelah tamat pengajian, termasuk penubuhan syarikat pemula pelajar berasaskan teknologi dan inovasi yang dipacu secara digital.
- 3.3 Memberi peluang kepada syarikat pelajar untuk merancang, mengurus dan mengendalikan syarikat melalui bimbingan bersama oleh staf atau penyelidik UTHM secara praktikal dan realistik ke arah melahirkan usahawan sebenar.
- 3.4 Menjadi penghubung atau hab berpusat kepada pihak-pihak berkepentingan melalui penawaran dan permintaan kerja yang berhubung kait dengan keusahawanan.
- 3.5 Membina jaringan keusahawanan pelajar UTHM secara tersusun, terancang, berstruktur dan berpusat supaya ekosistem keusahawanan UTHM lebih holistik dan sistematik ke arah mencapai status *Global Technopreneur University* menjelang tahun 2030 (GTU2030).
- 3.6 Memastikan Sasaran Kerja Tahunan Universiti (SKTU) dan *Key Performance Indicator* (KPI) Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dicapai seperti yang terkandung di dalam Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pengajian Tinggi (PTK IPT) 2021-2025.

## 4.0 PELAKSANAAN DASAR

Dasar ini meliputi perkara-perkara seperti berikut:

### 4.1 Ekosistem Keusahawanan

Universiti bertanggungjawab menyediakan ekosistem keusahawanan untuk menggalakkan pelajar memperkasakan kemahiran TVET melalui penglibatan syarikat pelajar dalam aktiviti perniagaan di Universiti seterusnya menyokong hala tuju Universiti untuk menjadi *Global Technopreneur University* 2030.

### 4.2 Konsep Pelaksanaan

Pelajar akan diberikan galakan serta bimbingan untuk menubuhkan syarikat melalui Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan melengkapkan syarat-syarat yang diperlukan untuk menjadi sebuah syarikat berkelayakan untuk menyertai peluang perniagaan di Universiti. Program-program Keusahawanan yang dirancang akan melibatkan penglibatan pelajar sama ada sebagai pemilik syarikat atau sebagai pekerja kepada syarikat pelajar yang diberikan peluang perniagaan dalam Universiti.

### 4.3 Punca Kuasa

Subseksyen 15(5) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 menyatakan bahawa Universiti hendaklah mengawal selia aktiviti pelajar, persatuan, pertubuhan atau kumpulan pelajar dalam kampus. Justeru, penyertaan syarikat pelajar dalam aktiviti perniagaan / perolehan di Universiti boleh dibenarkan melalui kelulusan Lembaga Pengarah Universiti.

Pelaksanaan Dasar ini hendaklah dilaksanakan melalui kerangka undang-undang serta sentiasa tertakluk kepada Pekeliling dan Peraturan yang berkuat kuasa.

**4.4 Peruntukan Program / Aktiviti Keusahawanan Melalui Wang Peruntukan Sementara (WPS)**

Universiti hendaklah menyediakan peruntukan 10% hingga 30% daripada WPS untuk pelaksanaan program-program atau inisiatif di bawah Dasar ini seperti Program Work@Campus (Program W@C).

**4.5 Komitmen dan Sokongan Pusat Tanggungjawab (PTJ)**

PTJ hendaklah memperuntukkan perbelanjaan tahunan iaitu sekurang-kurangnya 10% daripada perbelanjaan perkhidmatan dan perolehan untuk melantik syarikat pelajar tertakluk kepada Pekeliling/Peraturan yang berkuatkuasa.

**4.6 Bayaran Sewa dan Utiliti**

Universiti berhak memberikan pengurangan terhadap caj bayaran sewaan dan utiliti bagi premis dalam Universiti yang disewa oleh Syarikat Pelajar.

**4.7 Ruang Inkubator / Keusahawanan di Fakulti**

Fakulti hendaklah menyediakan ruang yang bersesuaian untuk menyokong pelaksanaan Dasar ini termasuk program atau inisiatif bagi pelaksanaan Dasar ini, sama ada sebagai ruang inkubator untuk disewa

oleh Syarikat Pelajar atau bagi melaksanakan program-program keusahawanan.

#### **4.8 Bimbining Kepada Pelajar Melalui Sumber Manusia Terlatih**

Universiti hendaklah mewujudkan sumber manusia terlatih untuk memberikan bimbining dan menjadi rujukan pelajar sepanjang pelaksanaan program ini seperti Penasihat Usahawan Pelajar, Sistem Mentor-Protege dan sebagainya.

#### **4.9 Pematuhan Undang-Undang**

Penglibatan Syarikat Pelajar dalam setiap program atau inisiatif di bawah Dasar ini tidak mengecualikannya daripada sebarang implikasi undang-undang akibat ketidakpatuhan atau kegagalan Syarikat Pelajar dalam mematuhi apa-apa Peraturan atau Perjanjian yang telah dimeterai.

#### **4.10 Liabiliti, Risiko dan Pelan Mitigasi**

Universiti dan Syarikat Pelajar hendaklah memahami liabiliti serta risiko dan mengambil tindakan sewajarnya untuk menyediakan pelan mitigasi bagi setiap kerja atau aktiviti yang dilaksanakan. Syarikat Pelajar bertanggungjawab menyediakan polisi insurans untuk melindungi keselamatan nyawa dan/atau harta benda (jika perlu) sepanjang melaksanakan program atau inisiatif yang berisiko seperti pelaksanaan Program W@C.

#### **4.11 Perwakilan Kuasa**

4.11.1 Jawatankuasa Eksekutif Universiti adalah bertanggungjawab untuk memastikan sebarang program atau inisiatif yang diwujudkan di bawah Dasar ini adalah selari dengan objektif Dasar yang diwujudkan.

4.11.2 Tertakluk kepada pematuhan terhadap Dasar ini, Jawatankuasa Eksekutif berperanan meluluskan sebarang pindaan terhadap garis panduan pelaksanaan program atau inisiatif untuk melaksanakan Dasar ini atau membuat keputusan berkaitan sebarang perkara yang dirujuk semasa pelaksanaan Dasar ini.

4.11.3 Jawatankuasa Eksekutif berperanan menetapkan bangunan / kawasan untuk ditawarkan kepada syarikat pelajar yang mempunyai keupayaan memberikan perkhidmatan yang dikehendaki oleh Universiti.

### **5.0 SKOP PELAKSANAAN**

Dasar ini akan melibatkan pelajar-pelajar UTHM yang berminat untuk dibimbing bagi menjalankan perniagaan di Universiti melalui syarikat yang ditubuhkan oleh pelajar. Bimbingan yang diberikan akan meliputi pematuhan terhadap peruntukan perundangan berkaitan kegiatan keusahawanan pelajar, pendaftaran perniagaan syarikat pelajar, program-program keusahawanan, memperkasa peranan penasihat keusahawanan pelajar, sistem “mentor-protege”, sokongan Universiti melalui penyediaan ruang perniagaan/inkubator, tanggungjawab usahawan pelajar termasuk mengenal pasti liabiliti, risiko dan penyediaan pelan mitigasi.